

SUMBANGAN TRADISI BARAT DAN ISLAM TERHADAP IDEA MASYARAKAT SIVIL

CONTRIBUTIONS OF WESTERN AND ISLAMIC
TRADITIONS TO THE IDEA OF CIVIL SOCIETY

Makmor Tumin, Mazlan Che Soh***

*Department of Administrative Studies & Politics. Faculty
of Economics & Administration. University of Malaya.
50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

**Faculty of Administrative Science and Policy Studies.
Universiti Teknologi MARA. Kampus Seremban. 70300.
Seremban. Negeri Sembilan. Malaysia.

Email: **mazlan3161@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no2.3>

Abstract

The concept of civil society today is strongly influenced by the idea of liberalism which values individual freedom and autonomy. The main takeaway from this idea is that the role of the state, religion, and family must be minimized to ensure that the freedom and rights of individuals are achieved. Nevertheless, problems such as global warming and moral collapse indicate that without the role of nation, religion, and family, such problems would not be able to be curbed properly. The objective of this article is to highlight these three aspects from the perspectives of two traditions of thinking on the concept of civil society, namely the Western tradition and Islamic tradition. The method used is discourse analysis based on secondary data to understand the intellectualism and dynamism of these two traditional lines. This article emphasizes that the concept of Western civil society, which is deeply obsessed with anti-state approaches and intermediaries separating the role of religion, must be revisited. Accordingly, the role of the state, religion, and family in the concept of civil society needs to be reconstructed.

Keywords: Discourse analysis; Western; philosophies; Islam; civil society.

Khulasah

Konsep masyarakat sivil pada hari ini amat kuat dipengaruhi oleh gagasan liberalisme yang mementingkan kebebasan dan hak autonomi individu. Isi penting daripada gagasan ini adalah peranan negara, agama, dan keluarga perlulah diminimumkan bagi memastikan kebebasan dan hak individu itu tercapai. Namun begitu, masalah seperti pemanasan global dan keruntuhan moral memberi indikasi bahawa tanpa peranan negara, agama, dan keluarga, masalah seumpama ini tidak akan dapat dibendung dengan baik. Objektif artikel ini adalah untuk mengetengahkan ketiga-tiga aspek ini pada dua tradisi pemikiran terhadap masyarakat sivil, iaitu tradisi Barat dan tradisi Islam. Metode yang digunakan ialah analisis wacana berdasarkan data sekunder bagi memahami intelektualisme dan dinamisme kedua-dua jalur tradisi berkenaan. Artikel ini menegaskan bahawa konsep masyarakat sivil Barat yang sangat obses dengan pendekatan anti-negara dan pengantara yang memisahkan peranan agama harus dibahas semula. Sejajar dengan itu, peranan negara, agama, dan keluarga dalam konsep masyarakat sivil perlu dibangunkan semula.

Kata kunci: Analisis wacana; Barat; falsafah; Islam; masyarakat sivil.

Pendahuluan

Konsep masyarakat sivil bukan sahaja telah digunakan dalam dunia kesarjanaan Barat tetapi juga di dunia Islam dan tamadun-tamadun lain seperti China dan India secara meluas, khususnya mulai pasca 1990-an lanjutan daripada kejatuhan blok Komunis.¹ Rata-ratanya konsep

¹ Perbincangan khusus terhadap peranan masyarakat sivil di negara China dan India, lihat Philip C. C. Huang, "Public Sphere/"Civil Society" in China?: The Third Realm between State and

masyarakat sivil yang difahami pada masa ini sarat dengan teras liberalisme sehinggakan konsep masyarakat sivil itu identikal dengan ciri-ciri yang ada pada idea liberalisme. Ciri-ciri yang dimaksudkan itu termasuklah kebebasan dan hak autonomi individu, yang mana berdasarkan pandangan liberalisme ini, fungsi negara, agama dan keluarga perlulah dihadkan seandainya tidak dapat dihapuskan. Berteraskan pandangan ini juga, melalui institusi demokrasi sahajalah masyarakat sivil dapat dibangunkan.

Dapat diperhatikan, selepas 30 tahun kejatuhan blok Komunis yang sekaligus bersama-samanya berkembang pengaruh liberalisme, dunia kontemporari berdepan dengan pelbagai masalah. Di negara yang kuat mengamalkan fahaman liberalisme seperti Amerika Syarikat dan Perancis sendiri, didapati masyarakat sivil tidak dapat dibangunkan. Malah, yang berlaku ialah gerakan perkauman dan keagamaan sempit, misalnya populisme etnik dan agama, di samping masalah-masalah dunia yang semakin meruncing seperti pemanasan global, terorisme dan ketempangan ekonomi global. Bahkan, dalam dunia Barat itu sendiri, kajian-kajian tentang ketidaktunggunya masyarakat sivil liberalisme itu dapat dibangunkan sudah menjadi semakin penting.²

Society," *Modern China* 19(2) (1993), 216-240. Perbincangan dalam konteks India antara lain dilakukan oleh Neera Chandhoke, "Civil Society in India," in *The Oxford Handbook of Civil Society*, ed. Michael Edwards (New York: Oxford University Press, 2011), 171-180.

² Perbincangan oleh Talavera Isidoro, *The Impossibility of a Civil Society* (Ohio: Franklin University, 2016), 1-15 dan Michael Edwards, *Civil Society* (4th edition) (Ohio: Polity Press, 2020), 42-66 memberi isyarat bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan konsep masyarakat sivil teras liberalisme. Talavera menghuraikan tentang *The Impossibility of Civil Society* dengan menggunakan teori Kenneth J. Arrow yang dapat dirumuskan sebagai tidak akan dapat diwujudkan sekiranya individu diberikan akses dan hak secara sama. Michael Edwards pula menerangkan pentingnya konsep masyarakat

Secara relatifnya, penyelidikan tentang masyarakat sivil negara-negara Islam juga semakin meningkat.³ Kajian-kajian yang ada amat dipengaruhi dengan asas rasional, khususnya liberalisme itu sendiri. Sungguhpun dalam kajian-kajian seperti ini peranan agama masih dilihat sebagai penting, tidak keterlaluan sekiranya dinyatakan bahawa tunjang fundamentalnya hampir menyamai idea liberalisme. Selain itu, tiadanya juga perbincangan khusus tentang peranan institusi keluarga menunjukkan bahawa ciri kebebasan dan kehendak autonomi individu yang ada dalam liberalisme telah menyerap ke dalam konsep masyarakat sivil Islam.

Sebagai renungan, Kamali misalnya, cuba membangunkan model sosiologi masyarakat sivil berdasarkan perspektif Islam⁴. Antara lain, beliau

sivil yang berasaskan kepada budaya lain sebagai alternatif seperti Islam dan Kristian di bawah gagasan *good society* atau masyarakat unggul.

³ Perbincangan terhadap penglibatan masyarakat sivil dalam dunia Islam telah dilakukan antaranya oleh Rachid Ghannouchi, Kamali dan Katib. Di Malaysia, kajian Meredith L. Weiss dan Saliha Hassan, eds., *Social Movements in Malaysia: From Moral Communities to NGOs* (London: Routledge, 2003). Buku ini adalah contoh bagaimana berkembangnya masyarakat sivil melalui NGO Islam dan halangan serta pencapaiannya sepanjang ditubuhkan sehinggalah kepada awal tahun 2000-an. Lihat Rashid Ghannouchi, "The Participation of Islamists in a non-Islamic Government", in *Power Sharing of Islam*, ed. Azzam Tamimi (London: Liberty for Muslim World Publication, 1993), 51-63. Juga lihat tulisan-tulisan seperti, Masoud Kamali, "Civil Society and Islam: A Sociological Perspective," *European Journal of Sociology/Archives Européennes de Sociologie/Europäisches Archiv für Soziologie* 42(3) (2001), 457-482; Masoud Kamali, *Multiple Modernities, Civil Society and Islam: The Case of Iran and Turkey* (Liverpool: Liverpool University Press, 2006). Juga lihat perbincangan oleh Lina Khatib, "Political Participation and Democratic Transition in the Arab World," *U. Pa. J. Int'l L* 34(2) (2012), 315-340 yang membincangkan tentang peluang dan cabaran terhadap partisipasi politik pasca Arab Spring.

⁴ Tulisan Kamali ini penting bagi memahami bagaimana sarjana pada masa kini cuba mengetengahkan keaslian konsep masyarakat sivil

membahaskan masyarakat sivil Islam berdasarkan lima ciri berikut:

1. Autonomi relatif ruang sosial dari negara.
2. Akses autonomi relatif sebilangan aktor masyarakat terhadap negara atau golongan elitnya.
3. Kewujudan ruang awam yang secara relatifnya adalah bebas.
4. Perlindungan undang-undang dan / atau normatif ejen dan institusi masyarakat.
5. Kewujudan 'ruang persaudaraan' berdasarkan pengalihan semula sumber.

Berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan oleh beliau, pendekatan masyarakat sivil Islam yang cuba dibina masih berbau liberal yang berteraskan keyakinan bahawa negara mempunyai potensi yang cenderung mencengkam, khususnya jika diperhatikan ciri pertama, kedua dan ketiga masyarakat sivil Islam Kamali tersebut.

Terdapat sekurang-kurangnya dua karya utama yang menonjolkan masyarakat sivil kaca mata liberalisme, khasnya dari segi teori, politik, sejarah dan ketokohan, iaitu yang ditulis oleh Ehrenberg serta DeLue dan Dale.⁵

Islam yang kadangkala disebut sebagai masyarakat madani. Beliau ada membincangkan tentang peranan bazar, institusi masjid/mimbar serta institusi ulama dan pakar dalam karyanya *Civil Society and Islam: A Sociological Perspective* tentang sosiologi masyarakat sivil Islam itu. Lihat Masoud Kamali, "Civil Society and Islam: A Sociological Perspective," *European Journal of Sociology/Archives Européennes de Sociologie/Europäisches Archiv für Soziologie* 42(3) (2001), 457-482.

⁵ Sementara Ehrenberg menghuraikan konsep masyarakat sivil dengan menyatakan kronologi berkembangnya konsep berkenaan, de Lue dan Dale menengahkan idea masyarakat sivil dengan memfokuskan kepada tokoh yang khusus membincangkan teori masyarakat sivil berkenaan. Rujuk John R. Ehrenberg, *Civil Society: The Critical History of an Idea* (New York: NYU Press, 2017), 3-80 dan Steven M. DeLue and Timothy Dale, *Political Thinking, Political Theory and Civil Society* (New York: Routledge, 2017), 1-440.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ehrenberg, pengaruh ahli teori liberal sangat meluas dalam memahami masyarakat sivil dengan tema pengantara (*intermediate*), yang mana menurut beliau tema paradigma masyarakat sivil ini perlu dikaji semula. Ini adalah disebabkan, hasrat yang ingin dicapai oleh sarjana liberalisme untuk melihat dunia berada dalam keadaan tenteram dengan kemakmuran ekonomi, jauh daripada menjadi kenyataan.⁶

Menurut Ehrenberg lagi, masalah longgokan kekayaan pada segelintir satu peratus penduduk dunia, kegagalan sistem pemerintahan untuk memastikan undang-undang dikuatkuasakan dan munculnya kumpulan masyarakat yang lebih 'mengenyangkan' golongan kelas tertentu sahaja adalah manifestasi kegagalan teori masyarakat sivil yang dibangunkan Barat).⁷ Perbincangan-perbincangan dalam bahagian pengenalan ini memberi isyarat bahawa istilah masyarakat sivil yang difahami dan digunakan pada masa kini, perlu direnung dan dibahas semula.

Objektif penyelidikan ini adalah untuk membahaskan fungsi negara, agama dan keluarga dalam dua tradisi pemikiran (Barat dan Islam) dalam pembinaan konsep masyarakat sivil. Penulisan artikel ini disusun mengikut perkara-perkara yang berikut, iaitu teras takrifan masyarakat sivil kontemporari, metode, sumbangan dunia Barat dan tradisi Islam terhadap idea masyarakat sivil. Selanjutnya, perbincangan berkaitan peranan agama, negara dan keluarga dimuatkan dan disudahi dengan kesimpulan penyelidikan.

Teras Takrifan Masyarakat Sivil Kontemporari

Konsep masyarakat sivil yang berkembang dalam dunia kesarjanaan pada masa kini sebahagian besarnya adalah kesinambungan daripada gagasan masyarakat sivil yang

⁶ Ehrenberg, *Civil Society*, 199-232.

⁷ *Ibid.*

termuat dalam karya Wilhelm Friedrich Hegel, *The Phenomenology of Spirit* (1851). Hegel mengemukakan konsep pengantara yang dibezakan dengan institusi keluarga dan negara⁸. Konsep pengantara sebagai suatu idea masyarakat sivil amatlah penting bagi menerangkan ruang berasingan yang melibatkan semua kumpulan, terutamanya organisasi sistem pasaran. Bagi tokoh ini, semua kumpulan perlu diberikan kebebasan untuk mengelolakan aktivitinya dan melalui persaingan sesama kumpulan, masyarakat akan dapat menghasilkan faedah yang optimum di bawah naungan negara yang bersifat berkecuali.

Teras pandangan Hegel ini ditolak oleh Karl Marx kerana hujah Hegel yang mengatakan negara akan berkecuali dan tidak akan campur tangan dalam persaingan kumpulan merupakan hujah yang meleset.⁹ Ini adalah kerana umumnya, tentu sahaja akan ada kumpulan yang kuat dan yang lemah dan secara lazimnya, kumpulan yang mempunyai sumber ekonomi dan kewangan akan mendapat kelebihan, seterusnya mendominasi persaingan atau pertandingan dalam masyarakat sivil itu.

Negara yang dikatakan berkecuali oleh Hegel itu, menurut Marx, menyebelahi kumpulan yang kuat kerana negara juga mendapat faedah daripada sumber ekonomi dan kewangan kumpulan berkenaan, yang mana keadaan ini menjadikan eksploitasi antara kumpulan atau kelas akan berlaku. Pendeknya, masyarakat sivil seumpama itu sebenarnya adalah masyarakat Borjuis dan Marx mengemukakan konsep masyarakat sivil sosialisme sebagai gantian kepada idea Hegel itu.¹⁰

⁸ Wilhelm Friedrich Hegel, *The Phenomenology of Spirit* (Oxford: Oxford University Press, 1977), 227.

⁹ Karl Marx, *Manifesto of Communist Party* (Florida: University of Central Florida, 1959), 28-59.

¹⁰ Marx, *Manifesto of Communist Party*, 28-59.

Wacana masyarakat sivil Marx melawan Hegel ini yang menggambarkan adanya konflik dalam masyarakat kemudiannya diangkat semula oleh Antonio Gramsci yang menyebut bahawa masyarakat sivil tidak akan dapat dibangunkan kerana hegemoni yang kuat pada negara yang telah dikuasai oleh pihak kapitalis.¹¹ Demikian itu, untuk memastikan masyarakat sivil dapat dibangunkan, gerakan kaunter-hegemoni perlu dilakukan dan ia hanya akan berjaya sekiranya ia dipimpin oleh individu daripada masyarakat itu sendiri, yang bebas daripada pengaruh politik dan juga pengaruh ekonomi kumpulan kapitalis. Buah fikiran Gramsci tentang masyarakat sivil ini bolehlah disifatkan sebagai cetusan idea tentang pentingnya ruang awam dimanfaatkan oleh aktor-aktor masyarakat sivil untuk melakukan gerakan kaunter-hegemoni berkenaan.

Buah fikiran seumpama ini terus berkembang dan dalam konteks kontemporari, konsep ruang awam (*public sphere*) ini telah dimajukan lagi oleh Jurgen Habermas dengan konsep *communicative actions* atau *communicative rationality*.¹² Maksud di sini ialah daya fikir rasional yang dimiliki oleh individu dan kumpulan perlulah dikomunikasikan dalam ruang awam supaya tindakan yang komunikatif akan dapat diambil bagi melawan dominasi negara. Wacana masyarakat sebeginilah yang dimaksudkan dengan gerakan anti-negara.

Terdapat satu jalur lain paradigma masyarakat sivil yang berteraskan konsep pengantara Hegel ini, yang membawa maksud perkumpulan sukarela yang berperanan membataskan kuasa pemerintahan. Maksudnya di sini, di

¹¹ Antonio Gramsci, *Prison Notebooks* (London: Lawrence and Wishart, 1971), 765.

¹² Jurgen Habermas, *The Structural Transformation of the Public Sphere: An Inquiry into a Category of Bourgeois Society* (Massachusetts: MIT Press, 1991), 175-177.

antara institusi keluarga dan negara, terdapat pengantara yang ditubuhkan secara sukarela bagi maksud tersendiri seperti kepentingan kebajikan, pendidikan dan kesihatan ahlinya. Paradigma seumpama ini juga disebut sebagai kehidupan berpersatuan (*associational life*).¹³

Konsep masyarakat sivil seperti ini dipopularkan oleh Alexis de Tocqueville dalam karyanya, *Democracy in America*, dengan istilah pertubuhan sivil.¹⁴ Idea masyarakat sivil Tocqueville ini telah berkembang dan pada masa kini dipimpin oleh sarjana liberalisme seperti Robert Putnam yang mengembangkan konsep modal social.¹⁵ Konsep ini antara lain menerangkan bahawa bukan sahaja melalui jaringan sosial, rasa percaya mempercayai, saling membantu dan bekerjasama, ruang awam dapat dikembangkan malahan kuasa negara dapat dibataskan.

Wacana masyarakat sivil pada masa ini berkesimpulan pada pendekatan *New Left* dan *New Right*. *New Left* dalam konteks masyarakat sivil adalah lanjutan daripada perbincangan oleh Antonio Gramsci yang kemudiannya menyerap ke dalam benak Jurgen Habermas. *New Right* pula adalah lanjutan daripada perbincangan Tocqueville, sebagaimana yang terdapat dalam minda Putnam. Konsep masyarakat sivil konflik/kaunter-hegemoni digunakan bagi merujuk gagasan *New Left* dan konsep modal sosial digunakan bagi menerangkan gagasan masyarakat sivil *New Right* yang kadang kala juga disebut sebagai *New Tocquevillean*. Oleh kerana kedua-dua pancuran jalur ini menggunakan ruang awam untuk membataskan kuasa negara, wacana

¹³ Edwards, *Civil Society*, 17-20.

¹⁴ Alexis de Tocqueville, *Democracy in America* (Washington, D.C.: Regnery Publishing, 2003), 216-244.

¹⁵ Robert Putnam, "Bowling Alone: America's Declining Social Capital," *Journal of Democracy* 6(1) (1995), 65-78.

masyarakat sivil dari Hegel hinggalah sekarang bermuara pada konsep anti-negara.

Sekiranya dibandingkan dengan kajian masyarakat sivil di peringkat antarabangsa, kajian tentang masyarakat sivil dan Islam bukan sahaja rata-ratanya masih langka tetapi juga amat kuat dengan paradigma Barat. Adanya pertambahan bilangan kajian masyarakat sivil yang ada di dunia Barat yang mengambil kira dinamika kajian bagi memahami Islam dan masyarakat sivil tidak dinafikan. Antara contoh kajian yang dimaksudkan itu antara lainnya adalah seperti yang dilakukan oleh Hann dan Dunn, Sullivan dan Abed-Katob, Kamali dan Yilmaz.¹⁶

Namun sekiranya disingkap, misalnya dalam kajian Kamali yang disebut di bahagian pengenalan makalah ini, kerangka anti-negara (*New Left* dan *New Right*) didapati telah mengukuh dalam analisis mereka. Sungguhpun ada usaha untuk membezakan konsep masyarakat sivil yang bertunjangkan kerangka liberal dengan pancang Islam, misalnya dengan cuba memasukkan dimensi kerohanian, namun ternyata pengaruh kerangka liberal tidak sedikit kuatnya dalam analisis pengkaji Islam itu.

Pada amnya, di Nusantara ini, istilah-istilah seperti masyarakat madani dan Islam Hadhari digunakan bagi menerangkan dinamika kegiatan masyarakat sivil tanpa membezakan dengan gagasan idea liberal.¹⁷ Namun

¹⁶ Elizabeth Dunn and Chris Hann, eds., *Civil Society: Challenging Western Models* (UK: Psychology Press Ltd., 1996); Ihsan Yilmaz. "State, Law, Civil Society and Islam in Contemporary Turkey," *The Muslim World* 95(3) (2005): 385-411; Dennis Joseph Sullivan and Sana Abed-Kotob, *Islam in Contemporary Egypt: Civil Society vs. the State* (Boulder, Colorado: Lynne Rienner Publishers, 1999); Masoud Kamali, "Civil Society and Islam," 457-482.

¹⁷ Istilah madani dan juga hadhari di Malaysia lebih dipopularkan oleh ahli-ahli politik, misalnya masyarakat madani dipopularkan oleh Anwar Ibrahim dan hadhari oleh Abdullah Ahmad Badawi. Pengarang berpandangan bahawa terdapat kesilapan fundamental sekiranya istilah madani dan hadhari ini diidentifikasikan dengan

begitu, inti idea masyarakat madani atau hadhari berkenaan masih tidak jelas autentisitasnya, sama ada ianya dibugar dan bersambung dengan idea masyarakat sivil pemikir Islam yang tersohor sebelumnya atau terus tidak dapat melepaskan dirinya daripada gagasan liberalisme lalu masih terenjut-enjut untuk menyaingi dominasi liberalisme tersebut. Demikian itu, kajian ini cuba meninjau gagasan-gagasan yang disumbangkan dalam dua dunia yang berbeza, iaitu dunia Barat dan dunia Islam.

Metode

Penyelidikan ini berdasarkan metode analisis wacana (*discourse analysis*) dengan memanfaatkan data-data sekunder. Metode ini dipilih kerana sifat kajian mengenai pemikiran atau gagasan memerlukan penelitian mendalam terhadap sesuatu isu dan masalah yang berkaitan dengan teori, sejarah, sosiologi dan perkara yang dikaji.

Konsep Kendalian

Dalam kajian ini, konsep masyarakat sivil dibezakan dengan istilah masyarakat madani, yang mana yang pertama merujuk kepada sumbangan dunia Barat dan yang keduanya sumbangan dunia Islam. Beza keduanya terletak pada konsep rasionaliti dan spiritualiti, yang mana masyarakat sivil membawa konotasi masyarakat rasional, manakala masyarakat madani membawa konotasi spiritualiti (selepas ini, istilah masyarakat sivil merujuk

istilah masyarakat sivil kerana teras masyarakat sivil lebih kepada perihai rasionaliti tetapi istilah madani dan hadhari mempunyai tegasan spiritualiti. Perbincangan tentang konsep masyarakat madani juga meluas di Indonesia. Lihat Nurcholish Madjid, "Mewujudkan Masyarakat Madani di Era Reformasi", *Titik-temu Jurnal Dialog Peradaban* 1(2) (2009), 15-30; Syamsul Ariffin, "Masyarakat Madani: Bingkai Keadaban bagi Masyarakat Indonesia Yang Demokratis-Pluralistik", *Titik-temu Jurnal Dialog Peradaban* 1(2) (2009), 53-71; Adi Suryadi Culla, *Masyarakat Madani* (Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada, 1999), 8.

kepada konsep Barat dan masyarakat madani merujuk kepada konsep dunia Islam).

Maka, dapat dirumuskan bahawa masyarakat sivil mempunyai dua paradigma. Pertamanya, pengantara antara keluarga dan negara, yang mana institusi seperti pertubuhan sukarela berfungsi menjaga kepentingan awam. Keduanya, anti-negara yang menitikberatkan periksa dan imbang (*check and balance*) kepada kerajaan.¹⁸

Berdasarkan konsep masyarakat sivil pengantara ini, semua kumpulan perlu diberikan kebebasan dan hak autonomi bagi memastikan potensi yang ada pada kumpulan itu dapat dibangunkan bagi membina tamadun manusia. Konsep anti-negara masyarakat sivil pula membawa maksud bahawa ruang awam perlu digunakan oleh setiap individu dan kumpulan dalam masyarakat untuk berhujah dan bernegosiasi tanpa campur tangan negara.

Masyarakat madani pula adalah masyarakat yang dibangunkan bagi tujuan mencapai kebahagiaan (*sa'adah*) hakiki yang diredhai Ilahi. Bagi membangunkan masyarakat madani ini, bukan sahaja kumpulan atau organisasi diperlukan tetapi penglibatan keluarga, pasar (bazar), masjid atau mimbar, institusi zakat, waqaf, baitulmal, ulama dan pakar, agensi penguatkuasa, termasuk negara itu sendiri, amat diperlukan dan saling berkait.¹⁹


Dalam makalah ini, huraian tentang sumbangan idea masyarakat sivil tradisi Barat dan Islam berserta idea-ideanya dan juga karya-karya utama mereka akan merujuk kepada lapan idea pemikir kedua-dua tradisi berkenaan, sebagaimana yang ada dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Lapan tokoh pemikir Barat dipilih berdasarkan sumbangan kesemua mereka terhadap idea masyarakat sivil pada

¹⁸ Ehrenberg, *Civil Society*, ix-xvi.


¹⁹ Kamali *Multiple Modernities*, 460.

Zaman Pencerahan (*Enlightenment Age*) di dunia Barat, dari abad ke-16 hingga ke-19. Bagi lapan pemikir dunia Islam pula, idea-idea mereka dipilih berdasarkan sumbangan mereka dalam Zaman Keemasan (*Golden Age*) Islam iaitu antara abad ke-9 hingga ke-13.

Perkara-perkara pokok yang akan dibahaskan dalam memahami tentang adanya kontradiksi gagasan masyarakat sivil dan masyarakat madani yang dihuraikan dalam makalah ini hanya akan ditumpukan kepada fungsi negara, agama, dan keluarga. Perbahasan tentang peranan masjid atau mimbar, institusi zakat, waqaf, baitulmal, bazar, ulama dan pakar, serta penguatkuasa seperti polis dan tentera tidak dibahaskan dalam makalah ini bagi memberikan fokus yang lebih mendalam terhadap kepentingan negara, agama, dan keluarga berkenaan. Rajah 1 dan Rajah 2 berikut memberikan gambaran grafik tentang model masyarakat sivil dan masyarakat madani.



Rajah 1



Rajah 2

Rajah 1 menunjukkan model masyarakat sivil pengantara dan anti-negara yang biasa dirujuk dalam kajian-kajian mengenai topik ini, yang mana bahagian luar daripada masyarakat sivil berkenaan merujuk kepada angkubah seperti negara, pasaran, dan masyarakat, yang masing-masingnya bertindan pada ruang masyarakat sivil. Rajah 2 pula ialah Venn Diagram yang menerangkan model masyarakat madani, yang mana pemerintah dalam sebuah masyarakat yang madani akan sentiasa mempengaruhi dan dipengaruhi oleh angkubah-angkubah lain (keluarga, masjid/mimbar, institusi zakat/waqaf/baitulmal, bazaar, ulama dan pakar, serta penguatkuasa seperti polis dan tentera).

Sumbangan Idea Masyarakat Sivil Tradisi Barat

Dalam bahagian ini, idea bagaimana masyarakat sivil tradisi Barat muncul akan dihuraikan sepintas lalu sebelum fokus diberikan terhadap idea lapan pemikir

utama Zaman Pencerahan dunia Barat yang bermula dari abad ke-16 hinggalah ke-19.

Terdapat dua pola idea yang berkembang sebelum Zaman Pencerahan, iaitu pertamanya yang didukung oleh sumber rasionaliti dan yang keduanya yang didukung oleh sumber diviniti. Pemikir Greek seperti Plato dan Aristotle memahami negara dan masyarakat sebagai satu entiti yang sering disebut sebagai *politi*. Ini membawa maksud bahawa ketika membangunkan konsep masyarakat, mereka juga membawa maksud membangunkan konsep negara.²⁰

Plato dan Aristotle merupakan pencetus penting kepada gagasan masyarakat sivil di Barat. Secara ringkas, idea masyarakat sivil Plato adalah masyarakat negara semula jadi (*organic state*), yang mana masyarakat akan dapat dibangunkan dan keadilan terbela apabila pengkhususan dalam masyarakat dilakukan berdasarkan kekuatan rasionaliti yang dikurniakan oleh alam kepada manusia secara semula jadi.

Pemikir kedua pola pertama ini pula ialah Aristotle, yang mana bagi beliau, masyarakat sivil itu adalah masyarakat yang deliberatif, iaitu masyarakat yang turut serta dalam perbincangan dan perbahasan bagi menentukan apakah nilai murni terpuji yang perlu menjadi amalan negara.²¹ Pola pemikiran seumpama ini berkembang dalam tempoh yang panjang, kira-kira 300 hingga 400 tahun lamanya, sehinggalah kedatangan ajaran Nabi Isa. Kemunculan ajaran Kristian telah memberi dimensi baharu kepada masyarakat sivil dan pola kedua masyarakat sivil yang bersumberkan diviniti muncul dan berkembang.

²⁰ Plato, *Republic* (Turkey: eKitap Projesi, 2015), 7. Lihat juga Aristotle, *Politics* (New York: Arno Press, 1973), 14.

²¹ Aristotle, *Nicomachean Ethics* (Kitchener: Batoche Books, 1999), Book IV, 53-70.

Melalui idea beberapa pemikir Kristian seperti Augustine dan Aquinas, konsep masyarakat sivil yang seakan-akan mirip konsep masyarakat madani dibangunkan, yang mana semua sumber yang ada dalam masyarakat perlu digabungkan bagi memastikan komanwel masyarakat Kristian (*Christian commonwealth*) dapat diwujudkan.²² Masyarakat sivil seumpama ini membawa maksud bahawa semua umat Kristian, tidak kira di mana mereka berada, diletakkan di bawah satu pusat kuasa spiritual yang dipimpin oleh Paus (*Pope*), yang juga seakan-akan menyamai konsep khalifah dalam dunia Islam.

Konsep masyarakat sivil yang berkembang di dunia Barat pada masa kini muncul daripada ajaran Kristian itu sendiri, sebagaimana yang dicetuskan oleh Martin Luther. Sebagaimana yang terdapat di dalam karyanya, *Ninety-five Thesis*, Luther antara lain menyebut tentang pentingnya kitab Bible itu sendiri dijadikan sumber autoriti, bukannya kuasa paus.²³ Masyarakat sivil hanya akan dapat dibangunkan sekiranya kuasa pusat empayar Rom tidak mengongkong kuasa pemerintahan yang mana autonomi perlulah diberikan kepada individu untuk menentukan darjah ketakwaan penganut agama itu. Ini membawa pengertian bahawa individu Kristian itu dinilai dari segi kekuatan dalamannya secara sama dengan individu lain tanpa mengikut acuan hirarki yang ada dalam pancang amalan gereja.

Jadual 1 memberi gambaran tentang idea-idea masyarakat sivil melalui laman pemikir Barat Zaman Pencerahan termasuk Luther, sehinggalah kepada idea masyarakat sivil John Stuart Mill.

²² Ehrenberg, *Civil Society*, 39.

²³ *Ibid.*

Jadual 1: Sumber Idea Masyarakat Sivil Tradisi Barat

Pemikir	Idea Utama	Karya Penting
Martin Luther	Ruang Tanggung Jawab Individu	<i>Ninety-five Theses</i>
Thomas Hobbes	Kuasa Mutlak	<i>Leviathan</i>
John Locke	Hak Individu dan Pemilikan Harta	<i>Two Treatises of Government</i>
Adam Smith	Kelebihan Masyarakat Tanpa Campur Tangan	<i>The Wealth of Nations</i>
Adam Ferguson	Moraliti Sosial Semulajadi	<i>An Essay on the History of Civil Society</i>
Jean-Jacques Rousseau	Kemahuan Awam	<i>The Social Contract and Discourse on the Origin of Inequality</i>
Immanuel Kant	Tanggungjawab Kesejagatan	<i>Groundwork of the Metaphysics of Moral</i>
John Stuart Mill	Kebebasan dan Hak Individu	<i>On Liberty</i>

Rujukan: Kompilasi daripada buku John Ehrenberg (2017) dan Makmor Tumin (2018)²⁴

Sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 1, menerusi idea *Leviathan* Hobbes, masyarakat sivil dapat difahami dari kaca mata tokoh ini sebagai masyarakat yang diletakkan di bawah kuasa pemerintahan yang kuat. Menurut Hobbes, suasana peperangan yang tidak kunjung padam pada zamannya itu memberi indikasi bahawa

²⁴ Makmor Tumin, *Pemikiran Politik dan Ekonomi Barat* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 95-218.

manusia mempunyai fitrah yang ganas dan masyarakat sivil hanya dapat diwujudkan melalui sistem yang disebut sebagai *Leviathan*, iaitu pemerintahan berkuasa mutlak²⁵.

Menurut pandangan Locke pula, sebagaimana dalam karyanya *Two Treatises of Government*, masyarakat sivil ialah masyarakat yang menggunakan keseluruhan kekuatan ilmu dan pengalaman serta kepakaran yang diberikan oleh Tuhan kepada dirinya.²⁶ Dengan adanya kurniaan berkenaan, pandangan dan kebebasan mereka secara individu perlu dihormati. Segala usahanya, termasuklah mengumpulkan harta juga perlulah dihargai. Maka itu, negara berkewajipan melindungi nyawa, kebebasan dan pemilikan harta dalam masyarakat sivil seumpama itu.

Seterusnya, Adam Ferguson, menerusi nukilan utama beliau iaitu *An Essay on the History of Civil Society*, menyatakan bahawa kemungkinan akan berlakunya masalah moral sekiranya kebebasan yang mutlak diberikan, lebih-lebih lagi kebebasan berkenaan digunakan oleh mereka yang berkedudukan untuk mengambil kesempatan mengaut kekayaan dan mendominasi ruang pasaran.²⁷

Wajar dinyatakan di sini bahawa, pada abad ke-17 dan ke-18, konsep pasaran (*market*) telah mula berkembang. Masyarakat difahami mempunyai dua bahagian, iaitu negara dan pasaran. Ini membawa pengertian bahawa konsep *politi* (yang difahami oleh pemikir Greek sebelumnya sebagai gabungan antara negara dan masyarakat) telah bertambah angkubah, iaitu kepada konsep pasaran. Buah fikiran Ferguson tentang masyarakat sivil ialah masyarakat yang diberikan

²⁵ John Hobbes, *Leviathan* (Hertfordshire: Wordsworth Editions Limited, 2014), Book 11, Chapter 2 17-19, 2.

²⁶ John Locke, *Two Treatises of Government* (Cambridge: Cambridge University Press, 1988), 230-240.

²⁷ Adam Ferguson, *An Essay on the History of Civil Society* (Fariforf GL: Echo Library, 2007), Sec VI, 52.

kebebasan dan diletakkan di bawah pemantauan pemerintahan bagi mengelakkan berlakunya masalah moral yang dinyatakan sebelumnya ini.

Adam Smith, kemudiannya, mahukan pertimbangan moral dijadikan percaturan dalam membangunkan masyarakat yang telah terdedah dengan sistem pasaran²⁸. Namun, bagi beliau, masyarakat itu tidak sivil sekiranya ia tidak dapat memastikan kemajuan serta pengagihan kekayaan yang lebih seimbang. Gagasan-gagasan besar Smith dapat diterokai antaranya menerusi dua karya terpenting beliau, iaitu *The Theory of Moral Sentiments* dan *The Wealth of Nations*.

Tiga tokoh yang memberi pencerahan idea masyarakat sivil seterusnya ialah Jean-Jacques Rousseau, Immanuel Kant dan John Stuart Mill. Rousseau terkenal dengan konsep kemahuan awam (*general will*) sebagaimana yang ada dinukilkan dalam karyanya, *Origins of Inequality and the Social Contract*.²⁹ Umumnya, bagi beliau, masalah ketempangan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk pemilikan harta dan status sosial masyarakat sebahagian besarnya adalah disebabkan adanya masalah egosentrisme (*amour propre*) yang berkembang dengan berkembangnya sistem kapitalis dan pendidikan yang tumpul idea patriotisme. Manusia digesa kembali kepada fitrahnya yang mana, bagi tokoh ini, masyarakat sivil hanya dapat dibangunkan sekiranya keseluruhan tuntutan dalam negara didasarkan kepada kemahuan awam yang dipandu oleh fitrah semula jadinya.

Immanuel Kant pula mengetengahkan konsep masyarakat sivil yang amat berbeza dengan pemikir sezaman dan selepasnya, khususnya dalam memberikan

²⁸ Adam Smith, *Wealth of Nation* (Hertfordshire: Wordsworth Editions Limited, 2012), Book V1, Chapter 1, 329-348.

²⁹ Jean-Jacques Rousseau, *Discourse on the Origin of Inequality* (USA: Oxford University Press, 1999). Lihat juga Jean-Jacques Rousseau, *Discourse on Political Economy and the Social Contract* (Oxford: Oxford University Press, 2008), 146.

pencerahan konsep metafizik, sebagaimana dalam karyanya, *Groundwork of the Metaphysics of Morals*. Bagi tokoh ini, manusia hanya akan benar-benar bebas sekiranya ia dapat membebaskan dirinya daripada rangsangan heteronomi dan berganjak kepada dunia autonomi.³⁰ Konsep ini membawa maksud bahawa selagi manusia tidak dapat menemukan hukum sejagat yang dapat memberikan autonomi kepada mereka berfikir secara rasional di luar dari alam nyata ini, selagi itu mereka akan menjadi hamba kepada keperluan-keperluan biologikal, sosiologikal dan keperluan duniawi yang lainnya.

Menurut beliau, masyarakat sivil adalah masyarakat yang dipandu oleh hukum metafizik tentang adanya tanggungjawab yang boleh disejagatkan (*universalizability duty*) yang membawa maksud bahawa sikap bertanggungjawab terhadap orang lain perlu diamalkan oleh semua orang tanpa mengira negara, warna kulit, gender dan seumpamanya kerana semua manusia bersetuju dengan keperluan bertanggungjawab berkenaan.

Seterusnya, yang terakhir adalah gagasan masyarakat sivil yang dipelopori oleh John Stuart Mill, sebagaimana yang ada dalam karyanya, *On Liberty*. Bagi beliau, hak individu dan kebebasan perlu diberikan kepada semua orang secara sama untuk mereka sama ada bersuara atau bertindak mengikut kehendak mereka³¹. Menurut beliau, selagi apa yang dilakukan oleh manusia itu tidak mendatangkan bahaya fizikal kepada orang lain, tidak ada sesiapa pun, sama ada ketua keluarga, agama atau negara yang boleh campurtangan terhadap hak individu dan kebebasan. Ringkasnya, masyarakat sivil ialah masyarakat yang dibangunkan atas prinsip hak individu dan

³⁰ Immanuel Kant, *Groundwork of the Metaphysics of Morals* (Yale: Yale University Press, 2002), 14-40.

³¹ John Stuart Mill, *On Liberty* (Oxford: Oxford University Press, 1998), 21-22.

kebebasan, yang kemudiannya merupakan tunjang kepada gagasan liberalisme pada masa kini.

Dalam perkembangan yang sama dan juga dengan teras rasionaliti yang kuat, masyarakat sivil di dunia Barat terus berkembang, yang mana tunjang idea masyarakat sivil mula dipengaruhi oleh tiga orang tokoh, iaitu Freidrich Hegel, Karl Marx dan Alexis de Tocqueville. Inti gagasan masyarakat sivil mereka telah pun dihuraikan dalam bahagian takrif makalah ini.

Sumbangan Idea Masyarakat Madani Tradisi Islam

Dalam bahagian ini pula, konsep masyarakat madani dihuraikan dengan menonjolkan pemikir Islam pada Zaman Keemasan yang merujuk kepada lapan tokoh penting, sebagaimana dalam Jadual 2, berserta dengan karya utama mereka masing-masing.

Jadual 2: Sumber Idea Masyarakat Madani Tradisi Islam

Pemikir	Idea Utama	Karya Penting
Al-Fārābī	Umat Pemerintahan Kenabian	<i>Mabādi' Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah</i>
Ibn Sīnā	Masyarakat Berteraskan Keluarga dan Tuhan	<i>Kitāb al-Shifā'</i>
Al-Māwardī	Wilayah Islam Gantian (<i>de-facto</i>)	<i>Al-Ahkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah</i>
Al-Ghazālī	Masyarakat Berpemerintahan Bernasihat	<i>Al-Tibr al-Masbūk fī Naṣīḥat al-Mulūk</i>
Ibn Rushd	Masyarakat Berteraskan Sumber Pengalaman	<i>Epitome of Plato's Republic</i>
Nasīr al-Dīn al-Tūsī	Masyarakat Imamah	<i>Sharḥ al-Ishārāt</i>

Ibn Taymiyyah	Masyarakat Pimpinan Ulama	<i>Siyāsāt al-Shar‘iyyah</i>
Ibn Khaldūn	Masyarakat Asabiah Berteraskan Hukum	<i>Muqaddimah</i>

Sumber: Ubahsuai dari kompilasi Makmor Tumin (2019)³²

Terlebih dahulu, sepintas lalu akan dibincangkan bagaimana unsur luar, khususnya dari Greek, mempengaruhi gagasan idea masyarakat madani dalam dunia Islam. Karya-karya Plato tentang politik seperti *Republika* dan Aristotle tentang nilai-nilai unggul seperti *Nicomachean Ethics* telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab, misalnya oleh beberapa orang tokoh yang umumnya bukanlah dalam kalangan orang Islam sendiri, seperti Yaḥyā ibn ‘Adī, yang mana rata-ratanya berpusat di Baghdad.

Sebelumnya, usaha secara kecil-kecilan sememangnya telah ada pada zaman pemerintahan Umayyah. Namun begitu, impaknya tidaklah begitu ketara. Di Baghdad itulah kemudiannya tokoh-tokoh seperti al-Fārābī, al-Ghazālī dan beberapa yang lain mengemukakan buah fikiran mereka masing-masing tentang masyarakat madani itu. Wajar dinyatakan di sini bahawa, sebagaimana konsep *politi* pemikir Greek, yang mana negara dan masyarakat tidak dipisahkan dalam perbincangan masyarakat sivil, dalam dunia Islam, sudut pandang yang hampir serupa juga terpakai pada masa itu.

Ertinya di sini, konsep masyarakat madani tidak dapat dipisahkan dengan konsep negara madani kerana kedua-dua konsep ini saling bergabung di bawah payung gagasan madani itu sendiri. Oleh itu, pencerahan idea

³² Makmor Tumin, *Asas Teologi dan Falsafah Politik Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2019), 1-102.

masyarakat madani dalam bahagian ini juga membawa maksud negara madani atau negara Islam.

Huraian dalam bahagian ini dimulakan dengan idea al-Fārābī dan disusuli dengan buah fikiran pemikir lain, sehinggalah kepada idea pemikir Islam penghujung Zaman Keemasan Islam, iaitu Ibn Khaldūn. Al-Fārābī, sebagaimana dalam karyanya, *Mabādi' Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*, memahami idea masyarakat madani senada dengan Plato, sebagaimana yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini. Masyarakat madani ialah sebuah masyarakat yang berteraskan keadilan, yang berdasarkan pengkhususan (mengikut perbezaan kebolehan) dan diperintah atau dipimpin oleh raja ala kenabian (*prophet king*).³³

Hakikat tidak mungkin akan ada kedatangan nabi lagi adalah kenyataan yang tidak dapat disanggah. Namun begitu, ini tidaklah bermakna masyarakat yang dipimpin oleh individu berjiwa suci dan berwawasan jauh tidak dapat diwujudkan. Oleh itu, tokoh ini percaya, dengan memberikan kebebasan kepada masyarakat, akan lahir atau muncul individu yang berwibawa yang sangat berilmu dan beriman.³⁴ Ringkasnya, dengan memberikan kebebasan, masyarakat madani akan wujud dalam sebuah negara kota yang dipimpin oleh seorang pemerintah beriman. Beliau memberi analogi anggota manusia dengan mengambil contoh 'kalbu' sebagai iman yang memancarkan cahaya ilmu dan pedoman kepada anggota-anggota yang lain sebagaimana pemimpin dengan masyarakat yang dipimpin.

Selain al-Fārābī, gagasan masyarakat madani juga boleh dipugar daripada ilham Ibn Sīnā. Ibn Sīnā, melalui diskusinya tentang takbir urus dalam karyanya *Kitāb al-Shifā'*, membincangkan tentang bagaimana masyarakat

³³ Al-Fārābī, *Mabādi' Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah* (Oxford: Clarendon Press, 1985), 78-79.

³⁴ *Ibid.*, 229.

Islam akan dapat dibangunkan dengan menitikberatkan fungsi institusi keluarga. Sungguhpun Ibn Sīnā juga terkesan dengan idea-idea pemikir Greek sebagaimana al-Fārābī, beliau tetap melihat bahawa keluarga, masyarakat dan negara hanya dapat dibangunkan dengan adanya hukum hakam atau undang-undang. Persoalan yang mungkin timbul adalah tentang siapakah yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang itu.

Ilmu makrifat yang dikuasainya mendorong beliau meyakini masyarakat madani itu adalah sebagai kesinambungan masyarakat ketuhanan yang bermula daripada institusi keluarga, kepada masyarakat, dan kepada negara, yang mana setiap pemimpin dalam institusi-institusi berkenaan bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang atau hukum-hakam Islam.³⁵

Wajarlah dicatatkan di sini bahawa pemikiran Islam terdahulu dan juga yang berkembang sehingga hari ini amat dipengaruhi oleh dua pola gagasan yang secara umumnya tidak semestinya saling melengkapi, iaitu yang berpaksikan syariah dan yang bersumberkan falsafah. Tidak seperti al-Fārābī dan Ibn Sīnā yang banyak menerawang di alam jagat raya bagi meraih ilmu, al-Māwardī yang dibincangkan selepas ini adalah antara contoh tokoh Islam terdahulu yang banyak menyangkutkan idea-ideanya pada pancang syariah.

Sebagaimana yang dapat disimpulkan melalui karyanya, *al-Ahkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*, gagasan al-Māwardī tentang masyarakat madani amat berkait dengan kesungguhan beliau cuba membangunkan idea masyarakat Islam dalam keadaan wilayah jajahan Islam yang telah luas, berdasarkan tamadun dan ajaran Islam yang dibawa junjungan

³⁵ Ibn Sīnā, *Kitāb al-Shifā'* (Mesir: Maktabah Samāḥah Āyātillāh al-'Uzmā, 2012).

Rasulullah SAW dan diikuti oleh Khalifah al-Rashidin berempat.³⁶

Untuk maksud itu, pemikir ini membangunkan konsep masyarakat madani Islam di bawah gagasan *de facto*. Gagasan ini membawa maksud bahawa masyarakat Islam yang jauh daripada kuasa pusat pemerintahan masih dapat dipimpin berdasarkan peraturan syariah di bawah pimpinan yang diwakilkan bagi menggantikan kuasa agama khalifah yang pada ketika itu amnya berada di Baghdad.³⁷ Pentingnya konsep *de facto* ini adalah bukan sahaja bagi memastikan panji Islam yang berpancangkan syariah tetap berkibar dan terus utuh ditegakkan tetapi juga disebabkan kepentingan menjaga kemakmuran politik dan ekonomi wilayah Islam yang semakin luas.

Konsep masyarakat madani keempat, sebagaimana dalam paparan di Jadual 2 adalah berdasarkan gagasan yang diketengahkan dan difahami menerusi idea al-Ghazālī dari kitabnya, *Naṣīḥat al-Mulūk* dan sebahagian kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*.³⁸ Idea masyarakat madani Islam al-Ghazālī dapatlah difahami sebagai sebuah negara yang stabil di bawah pemerintahan yang kuat. Pada zaman al-Ghazālī, terdapat pepatah Timur Tengah yang sangat-sangat berpengaruh, iaitu, "Berada 100 tahun di bawah kuku besi lebih baik daripada sehari di bawah anarki atau huru-hara".³⁹ Hal ini kerana, api huru-hara walaupun sehari akan membara kepada huru-hara yang menjulang

³⁶ Al-Mawardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyāh al-Dīniyyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1996), 1-6.

³⁷ *Ibid.*, 1-6.

³⁸ Al-Ghazālī. *Book for Counsel for Kings: Naṣīḥat al-Mulūk*, ed. H.I. Jalal Huma'i, H.D. Isaacs & terj. F. Bagley (Oxford: Oxford University Press, 1964). Lihat juga, al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn: The Revival of the Religious Sciences* (Petaling Jaya: Islamic Book Trust, 2015).

³⁹ Anthony Black, *History of Islamic Political Thought: From the Prophet to the Present* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 2011), Chapter 9, 97-110.

tak terpadamkan. Akibatnya, bukan sahaja pembangunan masyarakat atau ketamadunan tidak dapat dibangunkan tetapi sembahyang dan ibadat lain juga tidak dapat ditunaikan.

Oleh itu, dapat difahami bahawa, bagi al-Ghazālī, dalam sesuatu keadaan yang tidak dapat dipastikan (sama ada pemimpin itu adalah dalam kalangan orang yang beriman atau sebaliknya), sesiapa sahaja yang mempunyai kekuatan politik dan ketenteraan boleh sahaja memerintah, dengan syarat mendapatkan nasihat hukum-hakam daripada para ulama. Demikian itu, melalui gabungan ulama dan umara, sebuah masyarakat madani bertatanan dan stabil di bawah pemerintahan yang kuat dan Islamik akan dapat diwujudkan.⁴⁰

Panji Islam tidak sekadar berkibar di Timur Tengah tetapi juga di Eropah. Tamadun Islam di Andalusia misalnya, menjadi pemangkin kepada lahirnya tokoh-tokoh berpengaruh dalam kalangan orang Islam dan antara yang masyhur ialah Ibn Rushd. Idea masyarakat madani yang dimunculkan oleh Ibn Rushd boleh difahami melalui tulisannya, *Averroes of Plato's Republic*.⁴¹ Sebagaimana al-Fārābī, Ibn Rushd juga terkesan dengan pemikiran Plato dan juga Aristotle melalui karya *Republika* dan *Nicomachean Ethics*. Sungguhpun pada dasarnya beliau bersetuju dengan konsep *philosopher king* Plato atau *prophet king* al-Fārābī, bagi beliau, sebuah masyarakat madani tidak dapat dibangunkan semata-mata dengan memberikan tumpuan kepada aspek ilmu; sama ada ilmu

⁴⁰ Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Kitab 26,4, dan 1.

⁴¹ Ibn Taymiyyah. The Book on the Government of the Religious Law (al-Kitab al-Siyasah al-shar'iyah), sel. trans. in Laoust Taymiyyah. The Book on the Government of the Religious Law (al-Kitab al-Siyasah al-shar'iyah), sel. trans. in Laoust Rushd, *Commentary on Plato's Republic*, ed. and trans. E. I. J. Rosenthal, *Averroes' Commentary on Plato's Republic* (Cambridge: Cambridge University Press, 1966); trans. Ralph Lerner, *Averroes on Plato's Republic* (Ithaca, NY: Cornell University Press, 1974), 17-45.

berpaksikan rasional orang-orang Greek mahupun ilmu bertunjangkan agama orang-orang Islam. Hal ini kerana, bagi Ibn Rushd, aspek pengalaman sangat penting bagi menentukan kemampuan seseorang pemimpin dalam memastikan ketamadunan masyarakat dan negara.⁴²

Gagasan masyarakat madani yang boleh difahami daripada tokoh ini adalah masyarakat yang memanfaatkan ilmu praktis yang mana kumulatif pengalaman harian dan jatuh bangun pengalaman silam lebih fundamental dalam menentukan hala tuju kehidupan, dan tidak semata-mata berteraskan ilmu falsafah dan pengetahuan syariah sahaja. Selayang pandang, tokoh falsafah ini seakan-akan tidak terdorong untuk memanfaatkan ilmu rasional dan wahyu secara langsung dalam memberi pencerahan terhadap idea masyarakat madani. Namun, jika diperhalusi, apa yang ada di dalam benak beliau sebenarnya lebih kepada persoalan mengetahui isi hati masyarakat terlebih dahulu sebelum cuba membangunkan masyarakat yang madani.

Sebenarnya, sumbangan tokoh Syiah terhadap idea masyarakat madani juga tidak kurang pentingnya. Nāṣir al-Dīn al-Ṭūsī misalnya, merupakan pemikir dari kalangan kelompok Syiah yang ideanya juga dirujuk oleh orang Islam yang lain. Sebagaimana yang terdapat dalam karyanya, *Sharḥ al-Ishārāt*, gagasan masyarakat madaninya dapat ditafsirkan sebagai negara yang berteraskan kekuatan pandangan masyarakat ramai.⁴³ Beliau juga dapatlah digolongkan sebagai pemikir yang memiliki kedua-dua jalur sumber Islam, iaitu wahyu dan falsafah.

Buah fikiran beliau tentang masyarakat madani juga mengandungi unsur Aristotelian dan ala Ibn Sīnā, yang

⁴² Ibn Taymiyyah. *The Book on the Government of the Religious Law* (al-Kitab al-Siyasah al-shar'iyah), sel. trans. in Laoust Rushd, *Commentary on Plato's Republic*, 17-45.

⁴³ Nāṣir al-Dīn al-Ṭūsī, *Sharḥ al-Ishārāt* (Oxford: The Oxford Handbook of Islamic Philosophy, 2016), 326.

mana peranan keluarga, masyarakat, dan negara mesti saling lengkap-melengkapi bagi memastikan konsep ketuhanan dapat ditarbiyah di lubuk hati individu Muslim. Oleh kerana pengaruh Aristotelian amat kuat pada dirinya, yang mana penyertaan masyarakat amat penting dalam mewujudkan masyarakat madani, dan ilmu makrifat ala Ibn Sīnā yang meyakini sumber ketuhanan dalam kosmologi amat penting bagi meningkatkan iman, bagi al-Ṭūsī, masyarakat madani beliau dapat disimpulkan sebagai masyarakat imamah.⁴⁴

Penekanan tentang aspek syariah dalam pembinaan idea masyarakat madani sentiasa menjadi perhatian ramai tokoh. Selain daripada al-Māwardī yang idea masyarakat madaninya telah disentuh sebelum ini, Ibn Taymiyyah juga terkenal sebagai tokoh yang kuat, tidak berganjak dari pancang syariah. Beliau telah dapat membaca bahawa gagasan ummah di bawah satu khalifah tidak mudah atau tidak mungkin dapat direalisasikan memandangkan semakin meluasnya wilayah Islam dan semakin beragam anutan akidah dan falsafah umat Islam.

Dalam menangani pelbagai masalah dan kerancuan umat pada zaman itulah beliau, sebagaimana dalam kitabnya, *Siyāsāt al-Shar'iyah*, menukilkan bagaimana masyarakat Islam dapat dipastikan patuh kepada ajaran Islam sebenar generasi awal Islam dan beramal secara syumul. Buah fikiran masyarakat madani yang dapat dikembangkan daripada Ibn Taymiyya adalah masyarakat yang mesti dipimpin oleh seorang yang berilmu dan beriman. Masyarakat madani seumpama ini boleh ditafsirkan sebagai masyarakat yang tegas tunjang syariah, yang mana melalui teladan pemimpin, potensi hukum-hakam akan dapat ditegakkan.⁴⁵

⁴⁴ *Ibid.*, 199-200.

⁴⁵ Ibn Taymiyyah, *The Book on the Government of the Religious Law (al-Kitāb al-Siyāsa al-Shar'iyā)*, sel. trans. in Laoust 1939, pp. 587ff, 11,14-16.

Tokoh terakhir yang disentuh dalam bahagian ini adalah Ibn Khaldūn. Tokoh ini terkenal dengan gagasannya tentang asabiah, sebagaimana dalam kitabnya yang masyhur itu, iaitu *Muqaddimah*. Masyarakat madani yang dapat dikembangkan melalui karyanya itu terletak kepada perbincangan undang-undang, badawa dan hadharah. Masyarakat akan kuat sekiranya ikatan premodialnya sering diutamakan, dan menjadi lemah apabila dilimpahi dengan kesenangan dunia, sebagaimana yang terdapat di kota-kota yang merujuk kepada konsep hadarah itu. Demikian itu, idea masyarakat madani tokoh ini bolehlah difahami sebagai masyarakat yang dikukuhkan oleh semangat asabiah itu, dan bagi mengelakkan masyarakat itu lalai dengan cubaan kesenangan dunia, mereka perlulah diatur di bawah kawalan hukum-hakam.⁴⁶

Selain daripada lapan tokoh Islam yang gagasan masyarakat madani mereka masing-masing cuba dibangunkan dalam makalah ini, sememangnya terdapat ramai lagi pemikir lain. Sebagai contoh, dalam tradisi Syiah, al-Majlisī adalah antara tokoh penting selepas al-Tūsī, yang mana ideanya berkembang semasa Dinasti Safavid. Dalam kalangan Syiah itu juga, tradisi falsafah Islam turut berkembang, sebagaimana yang didukung oleh Mulla Sadra. Tokoh-tokoh Islam lain dalam kalangan Ahli Sunnah termasuklah Shah Waliyullah semasa Dinasti Moghul, Khairuddin al-Tunisi semasa bahagian penghujung kekhalifahan Uthmaniyah, dan Ahmad al-Fathani yang banyak menyumbang ideanya dalam Alam Melayu.⁴⁷

⁴⁶ Ibn Khaldun, *Muqaddimah (Prolegomena)*, ed. Quatremere, 3 vols (Paris, 1858); trans. Franz Rosenthal, *Ibn Khaldun: the Muqaddimah, an Introduction to History*, 3 vols, rev. edn (Princeton, NJ: Princeton University Press, 1967); abridged by N. J. Dawood (London, Routledge & Kegan Paul, 1967).

⁴⁷ Makmor Tumin, *Asas Teologi dan Falsafah Politik Muslim* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2019). Buku ini adalah usaha

Negara, Agama, dan Keluarga

Wacana berkenaan sumbangan idea masyarakat sivil dunia Barat dan masyarakat madani tradisi Islam menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan pokok pada kedua-dua idea berkenaan pada dimensi peranan agama, negara dan keluarga. Hakikat adanya perbezaan antara kedua-dua tradisi Barat dan Islam berkenaan fungsi negara, agama, dan keluarga adalah sesuatu yang wajar diperhalusi. Jika diperhatikan dengan teliti melalui diskusi ini, diketahui bahawa pemikir Greek amat mementingkan peranan negara.

Konsep masyarakat sivil bagi mereka adalah masyarakat bernegara, yang mana seluruh kekuatan rasionaliti warganegaranya dapat dikumpulkan dan dimanfaatkan. Namun begitu, mulai Zaman Awal Pencerahan di Barat, iaitu mulai dari abad ke-16, kepentingan fungsi negara telah dicabar kerana dilihat sebagai penghadang kepada kemajuan masyarakat sivil. Sistem merkantilisme yang dominan pada masa itu telah menyebabkan ekonomi berada di bawah monopoli golongan bangsawan yang mendapat perlindungan daripada penguasa.

Preskripsi yang dikeluarkan oleh pemikir seperti Adam Smith pada masa itu ialah peranan negara perlulah dihadkan bagi memastikan masyarakat sivil dibangunkan, dan fungsi penguasa hanyalah perlu bagi perkara-perkara yang berkaitan keselamatan sahaja. Para pemegang kuasa negara dilihat berkecenderungan akan memanipulasi dan menyeleweng kuasa yang ada. Pepatah-pepatah seperti, "*Government is at best evil*" atau, "*Power tends to corrupt, absolute power corrupts absolutely*" yang menyubur dalam benak ahli falsafah Barat pada zaman

pengarang bagi meningkatkan korpus ilmu dalam kalangan masyarakat yang lebih mudah dan selesa membaca bahan-bahan dalam Bahasa Melayu dalam perkara-perkara yang berkaitan falsafah politik dan akidah.

itulah yang menjadikan penyelidik kerangka liberal pada masa ini menjadi skeptikal dengan peranan negara.⁴⁸

Umumnya, pada hari ini, masyarakat sivil itu difahami sebagai masyarakat yang bebas memilih hala tuju yang baik bagi diri mereka, bukan sahaja tanpa campur tangan negara, malah juga tanpa dipengaruhi oleh dogma-dogma agama. Konsep masyarakat sivil Islam pada hari ini juga telah banyak dipengaruhi oleh perspektif yang berasaskan falsafah-falsafah seumpama itu. Sebagaimana yang dibincangkan dalam bahagian pendahuluan makalah ini, Kamali, dalam usahanya mengkonstruksi konsep masyarakat Islam, telah menyatakan tentang banyak perkara yang mana peranan negara perlu dibataskan.

Ahli falsafah Islam terdahulu amat menitikberatkan aspek negara atau pemerintahan, bukan sahaja dalam hal-hal keselamatan dan kestabilan, malah dalam hal-hal pembangunan ummah keseluruhannya. Umum mengetahui bahawa bukan sahaja peranan keluarga tetapi peranan institusi masjid/mimbar, bazar, zakat/waqaf/baitulmal, ulama dan pakar, serta agensi penguatkuasa penting dalam dunia Islam, termasuk peranan negara itu sendiri, yang mana tidak mungkin masyarakat dan negara madani dapat dibangunkan tanpa ada kesemua sumber itu.

Perkara kedua yang perlu pencerahan di sini adalah yang berkaitan dengan dimensi agama. Kesarjanaan tradisi Barat selepas Luther mulai abad ke-16 dan ke-17 amat berteraskan kepada konsep pemisahan sebarang aspek agama dengan aspek pemerintahan negara atau kehidupan awam yang disebut sebagai sekularisme.

⁴⁸ Acton John Dalberg, "Letter to Bishop Mandell Creighton, 5 April, 1887," dalam *Historical Essays and Studies*, peny. JN Figgis dan RV Laurence (London: Macmillan, 1907).

Umumnya, berdasarkan prinsip sekularisme ini, kemajuan sesebuah masyarakat atau pembangunan masyarakat sivil hanya akan dapat dilakukan sekiranya aspek agama dikesampingkan daripada kehidupan politik, ekonomi dan sosial. Pengaruh saintifisme yang dimulakan oleh Francis Bacon dalam dunia fizik telah dijadikan asas metodologi bagi memahami masalah kehidupan bermasyarakat.⁴⁹ Revolusi sains ini telah menimbulkan pertentangan antara kumpulan gereja dengan kumpulan sains, yang mana ianya berkesimpulan kepada pentingnya prinsip sekularisme itu diamalkan.

Sebaliknya, pada Zaman Kegemilangan atau Zaman Keemasan Islam, penemuan sains disambut dengan senang hati, yang mana tokoh-tokoh diberi tepukan gemuruh berdasarkan ketinggian idea mereka. Nama-nama besar seperti Ibn Sīnā, al-Bīrūnī, Ibn al-Haytham, dan ramai lagi, bukan sahaja menggemakan dunia Islam, tetapi idea mereka juga terus bergaung di belahan benua Barat. Sungguhpun benar asas falsafah telah mempengaruhi beberapa tokoh Islam seperti al-Fārābī, Ibn Sīnā, dan Ibn Rushd, mereka masing-masing tetap utuh mempertahankan agama bagi tujuan pembangunan masyarakat madani.⁵⁰

Aspek pentingnya agama ini tentulah lebih ketara dalam pandangan ahli fikir Islam yang berteraskan syariah seperti al-Māwardī, al-Ṭūsī (dalam tradisi Syiah), Ibn

⁴⁹ Penemuan sains yang berteraskan kepada bukti nyata dan fakta adalah antara beberapa faktor yang meyakinkan sarjana Barat bahawa agama dan budaya perlu dipisahkan daripada persoalan politik dan sosial. Francis Bacon adalah antara pelopor awal gerakan saintisme bersama beberapa orang yang lain seperti Isaac Newton.

⁵⁰ Idris Zakaria menghuraikan tentang pentingnya memugarkan semula idea-idea falsafah Barat silam, khususnya al-Fārābī dan Ibn Sīnā yang dilihat beliau memiliki potensi kekuatan idea bagi membangunkan ummah pada masa kini. Lihat Idris Zakaria, *Ikhtisar Pemikiran Politik Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019).

Taymiyyah dan tidak kurang juga pentingnya al-Ghazālī dan Ibn Khaldūn. Maka bukanlah sesuatu yang menghairankan sekiranya ramai penyelidik Islam yang tetap atau masih lagi menyandar kepada nilai Islam walaupun mereka sehaluan dengan ahli falsafah Barat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia, demokrasi, persamaan hak, dan juga beberapa isu gender.

Sebaliknya, perbincangan masyarakat sivil dalam tradisi Barat pada masa ini, khususnya yang kuat dengan pendekatan liberal, telah berkecenderungan menolak aspek agama yang dilihat oleh mereka sebagai tidak menyumbang kepada kemajuan manusia. Pengaruh agama ditolak kerana disifatkan sebagai terlalu dogmatik. Malah, Ernest Gellner, sebagaimana yang dicatat oleh Kamali, mengatakan bahawa Islam tidak dapat dijadikan ajaran yang boleh memajukan manusia. Masyarakat sivil yang dibangunkan itu adalah masyarakat sekular yang identitinya mencanak pada slogan rasionaliti.⁵¹

Perkara ketiga pula berkaitan dengan fungsi institusi keluarga. Dalam tamadun Islam, institusi keluarga tidak pernah tidak dilihat sebagai intitusi yang tidak penting. Daripada zaman Rasulullah SAW dan semenjak Zaman Keemasan Islam dahulu, semua ahli falsafah, sama ada yang berpancangkan syariah mahupun falsafah, masing-masingnya mengangkat tinggi peranan institusi keluarga bagi pembangunan masyarakat dan juga negara. Kebanyakan penyelidik Islam yang memahami masyarakat sivil sebagai pengantara di ruang keluarga dan negara telah terkesan dengan paradigma Hegel dalam memahami masyarakat madani. Ini memberi isyarat bahawa idea masyarakat sivil itu terputus sanadnya daripada tokoh-tokoh Islam sepanjang zaman silam itu.

⁵¹ Kamali, *Civil Society*, 464. Untuk keterangan lebih lanjut rujuk Ernest Gellner, *Conditions of Liberty: Civil Society and its Rivals* (London: Hamish Hamilton, 1994).

Dalam tamadun Barat, peranan institusi keluarga ini sememangnya dilihat penting ketika diskusi awalnya tetapi pendekatan rasionaliti telah menyebabkan institusi keluarga tidak lagi dilihat penting, malahan dilihat berbahaya dalam mempengaruhi pemikiran anak-anak pada zaman moden ini. Plato, dalam karyanya, *The Republic*, mempunyai bahagian yang khusus membincangkan peranan institusi keluarga ini. Sungguhpun John Locke dan Jean-Jacques Rousseau ada memikirkan tentang pentingnya pendidikan dalam institusi keluarga, namun begitu, didapati wacana falsafah politik Barat kontemporari tidak lagi mengambil berat aspek ini.

Masalah dalam analisis sains politik berkaitan dengan kealpaan intitusi keluarga ini bermula apabila pendekatan sains tulen mula meresap ke dalam sains sosial. Kebanyakan soalan yang hendak dijawab oleh mereka bertemakan bagaimana individu membuat keputusan untuk menyertai masyarakat atau politik. Ketika menjawab soalan-soalan seperti ini, mereka berandaian manusia itu rasional tanpa melihat inti rasional manusia itu telah mengikut rasionaliti keluarga dan komunitinya terlebih dahulu.

John Rawls yang merupakan ahli falsafah kontemporari terkemuka misalnya, dikritik oleh Susan Okin kerana gagal mengambil kira aspek keluarga dalam formulasinya terhadap *The Theory of Justice*.⁵² Maka, bukanlah suatu perkara yang mungkin menghairankan sekiranya gerakan feminisme yang menuntut persamaan hak itu muncul dari dunia Barat itu sendiri. Kebelakangan ini, sudah mula terdapat usaha dalam kalangan tokoh falsafah Barat kontemporari seperti Alasdair MacIntyre, Michael Sandel, dan Ian Shapiro yang melihat akan

⁵² John Rawls, *The Theory of Justice* (Harvard: Harvard University Press, 2009). Lihat kritikan ini menerusi Susan Okin, *Genderless Society* (Princeton: Princeton University Press, 2013).

pentingnya aspek keluarga dalam memformulasi idea masyarakat sivil itu.⁵³

Kesimpulan

Sepanjang perbincangan dalam makalah ini, paling minimum pun terdapat tiga perkara pokok yang dapat diangkat ke permukaan. Pertamanya, konsep masyarakat sivil yang dibangunkan melalui tamadun Barat berdepan dengan beberapa masalah kerana konsep ini tidak mempunyai kekuatan daya tahan untuk menerangkan bagaimanakah masyarakat itu akan dapat dibangunkan ketika berdepan dengan pelbagai masalah pada masa kini. Masalah kebuluran, pemanasan global, keganasan, bahaya penggunaan tenaga nuklear, dan populisme etnik dan agama, tidak termasuk masalah moral dan keruntuhan institusi keluarga, adalah masalah yang perlu terlebih dahulu dikonsepsikan sebelum diagnosis dan prognosisnya dapat dilakukan.

Keduanya, ramai penyelidik di peringkat antarabangsa yang tidak merasakan pentingnya membezakan konsep masyarakat sivil sudut pandangan Barat dan sudut pandangan Islam. Sebagaimana usaha pencerahan yang dilakukan melalui makalah ini, perbezaan antara keduanya amatlah ketara. Kekuatan konsep masyarakat madani dan daya tahannya terletak pada konsep kebahagiaan (*sa'adah*) hakiki. Sebagaimana yang digambarkan dalam model masyarakat madani dalam bahagian metode makalah ini, masyarakat ini adalah masyarakat yang meletakkan wahyu pada kedudukan yang lebih tinggi daripada akal dalam mencari jalan keluar terhadap semua masalah manusia, daripada keluarga sehinggalah kepada negara.

⁵³ Ian Shapiro, *Democratic Justice* (Yale: Yale University Press, 1999). Lihat juga Michel Sandel, *Justice: What's the Right Thing to Do* (New York: Farrar, Straus & Giroux Inc, 2009) dan Alasdair MacIntyre, *After Virtue: A Study in Moral Theology* (Notradame: Univeristy of Notradame Press, 1981).

Ketiganya, hakikat bahawa kedua-dua tamadun mempunyai kekuatannya yang tersendiri adalah kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Melalui konsep masyarakat sivil Barat, bermula dengan kehidupan bernegara (zaman pemikir Greek), kepada masyarakat perusahaan (pemikir awal Zaman Pencerahan), kepada masyarakat sivil yang mementingkan kebebasan dan hak autonomi individu (kontemporari), kesemuanya telah membantu kepada berkembangnya tamadun berfikir manusia. Namun begitu, konsep sekularisme yang ada pada tradisi itu telah menjadikan masyarakat sivil bermasalah kerana tidak menitikberatkan aspek moraliti tetapi lebih mengutamakan aspek materialisme dan konsumerisme.

Sebagai epilog, konsep masyarakat sivil dan masyarakat madani yang ada pada masa kini perlulah dibahaskan semula bagi memastikan kekuatan-kekuatan konsep itu dapat dijadikan alat bagi memahami masalah hari ini baik masalah yang bersifat global mahupun masalah di hadapan mata yang bersifat tempatan. Dalam konteks inilah ada keperluannya para pemikir kontemporari masyarakat sivil atau madani melihat semula akan pentingnya bukan sahaja masyarakat itu sendiri tetapi peranan institusi-institusi yang membangunkan masyarakat itu iaitu negara, agama dan keluarga dalam memformulasi idea masyarakat sivil mereka.

Penyelidikan akan datang mungkin boleh menumpukan kepada bagaimana fungsi institusi masjid atau mimbar, bazaar, zakat, waqaf, baitulmal, ulama dan cendekiawan, malahan juga peranan agensi penguatkuasa, termasuk negara itu sendiri, perlu diperhitungkan dalam pembentukan masyarakat sivil dan madani itu.

Penghargaan

Kami ingin merakamkan penghargaan terhadap Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaya atas bantuan kewangan yang diberikan di bawah Skim Geran

Penyelidikan Fundamental (FRGS) (No. Projek: FP038-2018A).

Rujukan

- Acton, John Dalberg. "Letter to Bishop Mandell Creighton, 5 April, 1887". Dalam *Historical Essays and Studies*, ed. JN Figgis dan RV Laurence. London: Macmillan, 1907.
- Ariffin, Syamsul, "Masyarakat Madani: Bingkai Keadaban bagi Masyarakat Indonesia Ynag Demokratis-Pluralistik", *Titik-temu Jurnal Dialog Peradaban* 1(2) (2009), 53-71.
- Aristotle. *Nicomachean Ethics*. Kitchener: Batoche Books, 1999.
- Aristotle. *Politics*. New York: Arno Press, 1973.
- Black, Anthony. *History of Islamic Political Thought from the Prophet to the Present*. Edinburgh: Edinburgh University Press, 2011.
- Chandhoke, Neera. "Civil Society in India." Dalam *The Oxford Handbook of Civil Society*, ed. Michael Edwards. New York: Oxford University Press, 2011: 171-180.
- Culla, Adi Suryadi. *Masyarakat Madani*. Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada, 1999.
- De Lue, Steven M. dan Dale, Timothy M. *Political Thinking, Political Theory, and Civil Society*. New York: Routledge, 2017.
- Dunn, Elizabeth dan Hann, Chris, ed. *Civil Society: Challenging Western Models*. UK: Psychology Press Ltd., 1996.
- Edwards, Michael. *Civil Society (4th edition)*. Ohio: Polity Press, 2020.
- Ehrenberg, John. *The Critical History of an Idea*. New York: New York University Press, 2017.
- Al-Fārābī, *Mabādi' Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*. Oxford: Clarendon Press, 1985.

- Ferguson, Adam. *An Essay on the History of Civil Society*. Fairford, GL: Echo Library, 2007.
- Gellner, Ernest. *Conditions of Liberty: Civil Society and its Rivals*. London: Hamish Hamilton, 1994.
- Ghannouchi, Rachid. "The Participation of Islamists in a non-Islamic Government." Dalam *Power Sharing of Islam*, ed. Azzam Tamimi. London: Liberty for Muslim World Publication, 1993: 51-63.
- Al-Ghazālī. *Book for Counsel for Kings: Nasihat al-Mulk*, diedit oleh H.I. Jalal Huma'i, H.D. Isaacs & terj. F. Bagley. Oxford: Oxford University Press, 1964.
- Al-Ghazālī. *Ihyā' 'Ulum al-Dīn: The Revival of the Religious Sciences*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust, 2015.
- Gramsci, Antonio. *Selections from the Prison Notebooks*. London: Lawrence and Wishart, 1971.
- Habermas, Jürgen. *The Structural Transformation of the Public Sphere: An Inquiry into a Category of Bourgeois Society*. Massachusetts: MIT Press, 1991.
- Hegel, Georg Wilhelm Friedrich, Arnold Vincent Miller & John Niemeyer Findlay. *Phenomenology of Spirit*. Oxford: Oxford University Press, 1977.
- Hobbes, Thomas. *Leviathan*. Hertfordshire: Wordsworth Editions Limited, 2014.
- Huang, Philip C. C., "Public Sphere/Civil Society in China?: The Third Realm between State and Society," *Modern China* 19(2) (1993): 216-240.
- Ibn Khaldūn. *Muqaddimah (Prolegomena)*, ed. Quatremere, terj. Franz Rosenthal. Princeton, NJ: Princeton University Press, 1967.
- Ibn Rushd, *Commentary on Plato's Republic*, ed. dan terj. E. I. J. Rosenthal, *Averroes' Commentary on Plato's Republic*. Cambridge, Cambridge University Press, 1966.
- Ibn Rushd. *Averroes on Plato's Republic* trans. Ralph Lerner. Ithaca, NY: Cornell University Press, 1974.

- Ibn Sīnā. *Kitāb al-Shifā'*. Mesir: Maktabah Samāḥah Āyātillāh al-'Uzmā, 2012.
- Ibn Taymiyyah. *The Book on the Government of the Religious Law (al-Kitab al-Siyasah al-shar'iyah)*, sel. trans. in Laoust 1939, pp. 587ff.
- Idris Zakaria. *Ikhtisar Pemikiran Politik Islam* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.
- Isidoro, Talavera. *The Impossibility of a Civil Society*. Ohio: Franklin University, 2006.
- Kamali, Masoud, "Civil Society and Islam: A Sociological Perspective," *European Journal of Sociology/Archives Européennes de Sociologie/Europäisches Archiv für Soziologie* 42(3) (2001): 457-482.
- Kamali, Masoud, *Multiple Modernities, Civil Society and Islam: The Case of Iran and Turkey*. Liverpool: Liverpool University Press, 2006.
- Kant, Immanuel. *Groundwork for the Metaphysics of Morals*. Yale: Yale University Press, 2002.
- Khatib, Lina, "Political Participation and Democratic Transition in the Arab World," *U. Pa. J. Int'l L* 34(2) (2012): 315-340.
- Locke, John. *Two Treatises of Government*. Cambridge: Cambridge University Press, 1988.
- Nurcholish Madjid, "Mewujudkan Masyarakat Madani di Era Reformasi," *Titik-temu Jurnal Dialog Peradaban* 1-2 (2009): 15-30.
- MacIntyre, Alasdair. *After Virtue: A Study in Moral Theology*. Notradame: Univeristy of Notradem Press, 1981.
- Makmor Tumin. *Asas Teologi dan Falsafah Politik Muslim*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2019.
- Makmor Tumin. *Pemikiran Politik dan Ekonomi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.
- Marx, Karl. *Manifesto of Communist Party*. Florida: University of Central Florida, 1959.

- Al-Māwardī. *Al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*. Beirut: Dar al-Fikr, 1996.
- Mill, John Stuart. *On Liberty*. Oxford: Oxford University Press, 1998.
- Naji al-Takriti. *Yahya Ibn 'Adi: A Critical Edition and Study of his Tahdhib al Akhlaq*. Paris: Editions Oueida, 1978.
- Okin, Susan Moller. *Women in Western Political Thought*. Princeton: Princeton University Press, 2013.
- Plato. *Republic*. Turkey: eKitap Projesi, 2015.
- Putnam, Robert D., "Bowling Alone: America's Declining Social Capital," *Journal of Democracy* 6(1) (1995): 65-78.
- Rawls, John. *The Theory of Justice*. Harvard: Harvard University Press, 2009.
- Rousseau, Jean Jacques. *Discourse on Political Economy and the Social Contract*. Oxford: Oxford University Press, 2008.
- Rousseau, Jean Jacques. *Discourse on the Origin of Inequality*. Oxford: Oxford University Press, 1999.
- Sandel, Michel. *Justice: What's the Right Thing to Do*. New York: Farrar, Straus & Giroux Inc, 2009.
- Shapiro, Ian. *Democratic Justice*. Yale: Yale University Press, 1999.
- Smith, Adam. *The Theory of Moral Sentiments*. London: Penguin Classics, 2010.
- Smith, Adam. *Wealth of Nations*. Hertfordshire: Wordsworth Editions Limited, 2012.
- Sullivan, Dennis Joseph dan Sana Abed-Kotob. *Islam in Contemporary Egypt: Civil Society vs. the State*. Boulder, Colorado: Lynne Rienner Publishers, 1999.
- Tocqueville, Alexis de. *Democracy in America* 10. Washington, D.C.: Regnery Publishing, 2003.
- Al-Ṭūsī, Nāṣir al-Dīn. *Sharḥ al-Ishārāt*. Oxford: The Oxford Handbook of Islamic Philosophy, 2016.

Makmor Tumin & Mazlan Che Soh, "Sumbangan Tradisi Barat dan Islam terhadap Idea Masyarakat Sivil," *Afkār* Vol. 22 Issue 2 (2020): 77-118

Wiess. L. Meredith dan Hassan, Saliha, eds. *Social Movements in Malaysia: From Moral Communities to NGOs*. London: Routledge, 2003.

Yilmaz, Ihsan, "State, Law, Civil Society and Islam in Contemporary Turkey," *The Muslim World* 95(3) (2005): 23-37.

Makmor Tumin & Mazlan Che Soh, "Sumbangan Tradisi Barat dan Islam terhadap Idea Masyarakat Sivil," *Afkār* Vol. 22 Issue 2 (2020): 77-118